

# Bicara tangguh, Najib sakit mata

Peguam maklumkan bekas PM dapat cuti 3 hari

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Farah Marshita Abdul Patah  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perbicaraan kes SRC International Sdn Bhd yang kini mendengar keterangan saksi pendakwaan terakhir, ditangguhkan selama tiga hari berikutan Datuk Seri Najib Razak mengalami jangkitan mata.

Dalam prosiding yang memasuki hari ke-53 semalam, peguam Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memaklumkan kepada Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, bahawa anak guamnya mendapat cuti sakit selama tiga hari.

Terdahulu, sebaik prosiding perbicaraan kes yang bermula kira-kira jam 9.42 pagi, Timbalan Pendakwa Raya, V Sithambaram memaklumkan kepada mahkamah pihak pembelaan ingin membuat permohonan menangguhkan prosiding berkenaan.

Shafee kemudian memberitahu mahkamah beliau menerima panggilan telefon daripada Najib pada jam 7.45 pagi memaklumkan mengalami jangkitan kuman pada kedua-dua belah matanya.

**SRC**  
SRC International Sdn. Bhd.

"Jangkitan itu disyaki bermula semalam dan berdasarkan gambar yang diambil ia kelihatan agak teruk. Perkara itu juga sudah disahkan opakar mata di Pusat Mata Mid Valley yang memberikan Najib sijil sakit selama tiga hari, bermula hari ini," katanya.

Shafee turut memberitahu mahkamah beliau sudah menunjukkan bukti sijil sakit dan gambar jangkitan mata Najib kepada pihak pendakwaan.

Perkara itu kemudian disahkan Sithambaram yang turut menyokong permohonan pengangguhan kerana dikhuatiri akan menyebabkan jangkitan itu menular kepada semua yang berada di mahkamah.

Bagaimanapun Sithambaram menyatakan kes itu dijadualkan berakhir Jumaat ini, manakala kes 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapi Najib akan bermula Isnin ini.

Berikutan itu, pihak pendakwaan akan menulis kepada Hakim Mahkamah Tinggi, Collin



Muhammad Shafee (kanan) di Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Zunnur A1 Shafiq /BH)

Lawrence Sequerah untuk membuat temu janji dan menetapkan pengurusan kes pada Jumaat ini.

Bagaimanapun, Hakim Nazlan memaklumkan Collin kini berada di luar negara dan akan kembali bersidang Isnin depan.

Justeru, Sithambaram kemudian memaklumkan permohonan untuk menyambung perbicaraan kes SRC akan dimaklumkan kepada Collin, Isnin depan dan pi-

**"Jangkitan itu disyaki bermula semalam dan berdasarkan gambar yang diambil ia kelihatan agak teruk.**

**Muhammad Shafee Abdullah, Peguam**

hak pendakwaan akan menyambung pemeriksaan utama terhadap saksi ke-57, Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKPj) Bahagian Operasi Khas (BOK) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rosli Hussain.

Nazlan dalam keputusannya, berkata mahkamah tidak mempunyai pilihan selain menangguhkan perbicaraan kes itu dan menetapkan Isnin depan untuk menyambung perbicaraan kes.